

# Mahathir seru Iraq keluar segera dari Kuwait

Mr M 24 FEB 1991

KUALA LUMPUR 23 Feb. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad seru Iraq keluar dari Kuwait dengan segera supaya tidak ramai lagi yang akan terkorban akibat peperangan.

Perdana Menteri menyifatkan peperangan itu sebagai sia-sia dan mendesak semua pihak yang terlibat memberhentikannya dengan segera.

Malaysia juga mendesak Amerika Syarikat dan negara-negara bersekutu supaya menghormati Ketetapan 678 yang tidak mengizinkan Iraq dimusnahkan," katanya ketika berucap di majlis makan malam tahunan Persatuan Peguam - Peguam Muslim Malaysia di sini malam ini.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, sekiranya Iraq ingin memperjuangkan hak orang Islam dan sanggup menghadapi sebarang tentangan, jalan yang terbaik ialah dengan menyerang Israel dan bukannya Kuwait.

"Jika kerana menyerang Israel, Iraq diserang balas oleh Amerika Syarikat, seluruh dunia Islam akan menyokong Iraq," tambah beliau.

Perdana Menteri berpendapat tindakan Iraq melancarkan peluru berpandu scud ke Israel bukan bertujuan menghancurkan negara itu dan menolong rakyat Palestin tetapi ingin mendapat sokongan orang Islam.

Beliau berkata, perang Teluk menyebabkan ramai rakyat Iraq dan Kuwait mati di samping banyak harta benda musnah akibat serangan tentera bersekutu.

"Apakah setelah pengorbanan yang besar oleh rakyat Iraq ini, negara itu akan berjaya dan umat Islam akan menguasai dunia? Hanya mereka yang khayal sahaja akan memikir demikian tambah beliau.

Menurut Perdana Menteri, serangan Iraq ke atas Iran yang menyebabkan satu juta umat Islam terbunuh berakhir tanpa menghasilkan apa-apa kepada Iraq.

Katanya, Amerika Syarikat, Britain serta negara-negara sekutu jauh lebih kuat daripada Iran dan mereka yang berfikiran waras tentu dapat meramalkan bahawa

**LIHAT MUKA 12**

## SERU IRAQ KELUAR SEGERA

Mr M 24 FEB 1991

Iraq tidak mungkin menang.

"Dengan itu, pengorbanan nyawa orang Islam yang disebabkan oleh penaklukan Iraq ke atas Kuwait akan menjadi sia-sia," ujar beliau.

Dalam perkembangan lain Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, peguam - peguam Muslim bertanggungjawab mengkaji hukum-hukum Islam dalam konteks zaman moden.

Katanya, penilaian baru terpaksa dibuat untuk menentukan sama ada sesuatu hukuman itu sesuai dan tidak lari daripada landasan

Islam.

"Jika kita berfikir seolah-olah berada dalam masyarakat yang seratus peratus Islam 1,400 tahun dahulu, maka tindakan dan pengadilan kita mungkin tidak seperti yang dikehendaki oleh Islam," tambahnya.

Beliau juga menasihatkan peguam - peguam Muslim supaya membuktikan sifat keislaman dalam menjalankan tugas supaya imej Islam menjadi lebih baik dalam bidang perundangan.